

**26 NGO Pahang Bantah Himpunan Hijau
Bernama
21 Februari , 2012**

KUANTAN, 21 Feb (Bernama) -- Sebanyak 26 badan bukan kerajaan (NGO) di Pahang membantah Himpunan Hijau 2.0 yang didalangi pembangkang yang menentang operasi syarikat Lynas Advance Material Plants yang telah diberikan lesen beroperasi sementara.

Jurucakap kesemua NGO itu, Wan Emril Nizam Wan Embong, berkata himpunan yang dirancang diadakan di Padang Majlis Perbandaran Kuantan 1 di sini pada Ahad ini, akan menimbulkan masalah keselamatan dan ketenteraman awam.

"Satu laporan polis dibuat hari ini bagi pihak 26 badan bukan kerajaan di Pahang yang mempunyai keahlian lebih 50,000 orang bagi membantah perhimpunan berkenaan," katanya ketika ditemui pemberita di perkarangan Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan di sini Selasa.

Wan Emril Nizam, yang juga Pengerusi Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Pahang, berkata pelbagai penerangan telah dibuat oleh kerajaan mengenai operasi kilang itu yang telah diakui selamat oleh pakar-pakar dalam bidang berkenaan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=646993>